



Ruj.Kami : ANM.JB (A) 70/15 JLD 4(7)
Tarikh : 9 Disember 2022
10 Jamadilawal 1444H

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PERINGATAN: TINDAKAN KE ATAS TRANSAKSI INVOIS BELUM DIBAYAR – KOD A0481101 (AKAUN BELUM TERIMA) SEHINGGA 30 NOVEMBER 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan jabatan ini, didapati terdapat transaksi Invois (dijana melalui sistem iGFMAS) yang telah dikeluarkan oleh pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan sehingga 30 November 2022, tetapi masih belum dijelaskan pembayarannya oleh pelanggan dan berstatus Akaun Belum Terima (ABT). Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 – Pengurusan Akaun Belum Terima, semua Pegawai Pengawal dan Pemungut adalah bertanggungjawab untuk memungut semua terimaan termasuk ABT. Bagi mana-mana pegawai yang bertanggungjawab ke atas tunggakan ABT serta gagal mengambil tindakan mengutip balik tunggakan boleh dikenakan tindakan surcaj atau tatatertib.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan segera ke atas transaksi Invois seperti di **Lampiran I** dan mengemaskini status tindakan selewat-lewatnya pada **18 Disember 2022** melalui pautan


https://docs.google.com/spreadsheets/d/1uzpZc_paYvLoQcSwxU_mcK2Y0qWYBK0BGYas5Eu0O6M/edit?usp=sharing Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Nurul Nadia binti Azmi melalui telefon 07-2249244 (pejabat) sambungan 1056/ 0195513087 (telefon bimbit) atau secara e-mel nurulnadia.azmi@anm.gov.my.

4. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA c.A(M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Johor